

**TATACARA DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN KEBENARAN MENDUDUKI
ATAU PENYEWAAN PREMIS ANJUNG SELERA / GERAI / KEDAI / PASAR /
PENGURUSAN FASILITI SUKAN MILIK MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

1. Pemohon dikehendaki hadir sendiri ke ***Kaunter Setempat, Jabatan Perbendaharaan, Aras 3, Menara MBBB, Jalan Lingkaran Dalam Bukit Senyum***, untuk membuat bayaran permohonan. Pihak lain (*Third-Party*) dilarang memajukan permohonan bagi pihak pemohon.
2. Pemohon dikehendaki melengkapkan borang permohonan dan seterusnya memajukan borang tersebut bersama-sama dengan dokumen yang diperlukan. Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima dan diproses.
3. Dokumen yang diperlukan adalah sebagaimana berikut :
 - Salinan kad pengenalan pemohon;
 - Satu keping gambar berukuran passport;
 - Pengesahan Status Kebankrapan (Jabatan Insolvensi : online) – **WAJIB**;
 - Salinan Penyata Bank 3 bulan;
 - Salinan Pendaftaran Syarikat SSM (*jika ada*);
 - ROS / PJS / KOOP / Badan Yang Bertauliah (*jika berkenaan*); dan
 - Bayaran proses RM5.00 bagi setiap permohonan.

❖ **Dokumen asal perlu dibawa semasa temuduga**
4. Hanya **WARGANEGARA MALAYSIA** sahaja yang layak membuat permohonan.
5. Permohonan terbuka kepada yang berusia **18 TAHUN HINGGA 50 TAHUN SAHAJA**.
6. Penjawat Awam **TIDAK DIBENARKAN** membuat permohonan.
7. Pemohon tiada rekod **CCRIS** dan tidak **MUFLIS**.
8. Permohonan akan **DITOLAK** sekiranya dokumen didapati tidak lengkap & palsu.
9. Sekiranya permohonan ini tidak dipanggil temuduga dari tempoh **3 bulan dari tarikh tutup** permohonan, permohonan ini dianggap **TIDAK BERJAYA**.
10. Seorang pemohon hanya dibenarkan membuat **SATU (1)** permohonan sahaja bagi setiap iklan kekosongan yang dikeluarkan.
11. Tarikh tutup permohonan : **ISNIN, 20 JULAI 2026 (sebelum jam 4.00 petang)**
12. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup **TIDAK AKAN DITERIMA**.